

08 APR 2004

Rogol

MAMPUKAH UNDANG-UNDANG BENDUNG KES ROGOL?

Oleh: Cik Rashidah Abd Ghani

KUALA LUMPUR: "Awak didapati bersalah. Oleh itu mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 19 tahun dan 12 sebatan atas tuduhan merogol anak perempuan kamu yang berusia 15 tahun ketika itu".

Hakim Mahkamah Sesyen Kota Baharu, Mohamad Yazid Mustafa membuat keputusan itu pada 8 Feb lepas ke atas seorang bekas askar berusia 43 tahun setelah mendapatinya bersalah merogol anaknya sendiri di rumahnya di Tanah Merah, Kelantan, kira-kira pukul 4 pagi, 25 Dis 2001.

Dalam penghakimannya, Mohamad Yazid berkata sebagai seorang ayah, tertuduh sepatutnya melindungi anaknya dan bukannya mengambil peluang merogol anaknya ketika membawanya pulang dari rumah datuk saudaranya.

Kendatipun begitu, sudah cukup gerunkah lafaz hukuman itu buat para pelaku rogol untuk menghentikan perbuatan terkutuk itu? Atau patutkah hukuman yang lebih berat seperti hukuman mati, penjara seumur hidup, atau sebatan di khalayak ramai dipertimbangkan untuk membendung jenayah itu?

Apapun, kes rogol dan bunuh kian menjadi-jadi hingga membimbangkan ibu bapa untuk membenarkan anak-anak gadis mereka keluar atau tinggal sendirian di rumah.

#### PINDAAN HUKUMAN

Peguamcara Negara, Datuk Zaiton Zawiah Puteh berkata sebelum 1 Ogos 2002, tuduhan rogol mengikut Seksyen 375 Kanun Keseksaan tidak membezakan rogol yang melibatkan ahli keluarga atau rogol mahram.

Menurutnya, hukuman maksimum untuk kesalahan rogol ialah penjara 20 tahun manakala minimum ialah 5 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan, namun ia tidak mandatori.

Selepas 1 Ogos 2002, Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001, telah memperkenalkan peruntukan baru iaitu Seksyen 376A dan Seksyen 376B.

Seksyen 376A mendefinisikan "sumbang mahram" dan Seksyen 376B menetapkan hukuman terhadap pesalah sumbang mahram. Mengikut seksyen

ini,  
hukuman minimum ialah penjara 6 tahun dan maksimum ialah 20 tahun  
selain  
sebatan. Prinsip hukuman sebatan adalah sama dengan peruntukan  
terdahulu.

Namun begitu, Akta A 1210 (Pindaan) Kanun Keseksaan 2003 bagi  
Seksyen  
376 telah dipinda yang antaranya ialah sesiapa yang melakukan rogol  
boleh  
dihukum penjara tidak kurang lima tahun atau lebih 20 tahun, dan  
boleh  
dirotan.

Sehubungan itu, Zaiton berpendapat langkah pencegahan lebih  
penting  
untuk membendung jenayah rogol dan bunuh, tetapi ia hendaklah  
diseimbangkan  
dengan hukuman yang setimpal.

Beliau menyifatkan undang-undang yang sedia ada bagi kesalahan  
rogol  
adalah mencukupi.

#### PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Dalam pada itu, pelbagai pihak berpendapat penguatkuasaan  
undang-undang  
yang lebih berat penting untuk membendung jenayah itu.

Presiden Majlis Permuafakatan Ibu Bapa Malaysia Prof Madya  
Mohamad Ali  
Hasan menyarankan supaya undang-undang yang sedia ada segera dipinda  
dengan  
mengambil kira hukuman yang setimpal sebagai "penggerun dan  
pencegah"  
selaras dengan agama Islam.

Beliau mengesyorkan supaya pesalah rogol membabitkan kematian  
dikenakan  
sebatan di khalayak ramai dan hukuman mati mandatori manakala yang  
tidak  
membabitkan kematian dipenjara seumur hidup serta sebatan.

"Sudah sampai waktunya hukuman rejam dan sebatan di khalayak  
ramai  
dilaksanakan bagi menyedarkan masyarakat terutama umat Islam kerana  
ia  
adalah hukuman yang terpakai sepanjang zaman dan umat Islam tidak  
boleh  
mempertikaikannya," tegas beliau.

Cadangannya dipersetujui Mufti Wilayah Persekutuan, Prof Dr  
Mohammed  
Yusoff Hussin yang menyifatkan hukuman itu bertujuan menyedarkan  
masyarakat.

"Kalau masyarakat anggap hukuman sebatan di khalayak ramai akan  
mengaibkan keluarga pelaku, kejam dan tidak diberi hak kemanusiaan,  
kenapa  
kita perlu menjaga hak kemanusiaan perogol dan tidak kepada yang

dirogol,"  
katanya.

"Bagaimana perasaan keluarga mangsa ... bukankah mereka juga terpaksa menanggung malu dan menderita seumur hidup. Sesiapa yang melakukan kesalahan, tanggunglah hukumannya," katanya lagi.

Bagaimanapun beliau menolak saranan hukuman kasi terhadap pesalah rogol demi erti kemanusiaan.

"Maksimumkan sahaja hukuman sedia ada sudah cukup memadai," jelasnya.

#### HUKUMAN SETIMPAL

Beliau turut menyarankan agar pelaku rogol dikenakan hukuman setimpal mengikut peruntukan dan jika ia membabitkan kematian, ia hendaklah dibalas dengan kematian.

"Hukuman ini hendaklah dipatuhi oleh semua rakyat tanpa mengira pegangan agama dan tidak patut dipertikaikan lagi jika jenayah kejam ini mahu dibendung," tegasnya.

Sementara itu, Naib Presiden Persatuan Peguam Wanita Wilayah Persekutuan, Yasmin Shariff tidak bersetuju hukuman sebatan di khalayak ramai dilaksanakan kerana berpendapat latihan kemahiran dan kaunseling adalah yang terbaik kepada pelaku rogol.

Beliau juga berpendapat pendidikan kesihatan keluarga harus bermula daripada sekolah rendah yang antaranya bertujuan mendedahkan kanak-kanak dengan pengetahuan fizikal, mengenal pasti risiko dan membuat aduan apabila berlaku sesuatu kejadian.

Penceramah bebas agama Ridhuan Tee Abdullah pula berkata ibu bapa memainkan peranan penting dalam memupuk dan mendidik akhlak yang mulia kepada anak-anak mereka sejak kecil.

Berdasarkan pengalamannya berdialog dengan polis, punca berlaku kejadian rogol ialah pergaulan bebas, katanya.

"Jika anak-anak bergaul bebas hingga dibenarkan tinggal sebilik lelaki dan perempuan, sudah tentu perkara yang tidak diinginkan akan berlaku. Tidak ada agama yang membenarkan pergaulan bebas atau membenarkan perkara yang mendatangkan dosa.

"Baliklah kepada ajaran agama masing-masing. Insya-Allah kejadian rogol dapat dibendung," katanya.

#### JAGA AKHLAK PENTING

Pendapatnya disokong Prof Dr Mohammed Yusoff yang berkata, "Kalau kita hendak elak kejadian rogol, ibu bapa perlu berusaha mendidik dan menjaga akhlak anak-anak seperti menegah anak perempuan daripada berpakaian menjolok mata kerana ini antara faktor yang akan mengundang kejadian rogol dan sekiranya ia berlaku juga ia baru boleh dikatakan suratan takdir".

Beliau juga menyebut bahawa "Kalau dahulu bapa atau datuk masuk kelambu untuk bercerita dengan anak dan cucu mengenai kisah dongeng yang bertujuan untuk mendidik seperti Nujum Pak Belalang, Hang Tuah Lima Bersaudara, Hikayat Seribu Satu Malam dan Badang."

"Tetapi sekarang jika bapa atau datuk masuk kelambu anak atau cucu, kita kena tanya kerana dia mungkin mencari kepuasan nafsu serakahnya," katanya sambil menyoal kenapa mereka tidak menghalakan kepuasan dengan melakukan perkara-perkara yang positif seperti kerja amal.

Perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes rogol mencatatkan peningkatan. Pada tahun 2000, terdapat 1,217 kes, tahun 2001 (1,386 kes), tahun 2002 (1,431 kes), dan 1,479 pada 2003. Secara purata, kes rogol meningkat sebanyak 5 peratus dalam tempoh 2000 hingga 2003.

#### PUNCA KEGANASAN SEKS

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil pula berkata keganasan terhadap wanita berpunca daripada tradisi, struktur sosial dan sistem nilai yang meletakkan lelaki sebagai ketua keluarga dan pembuat keputusan serta mempunyai kuasa ekonomi dan sosial.

Beliau bagaimanapun berkata, mengikut penyelidikan oleh pihak komanwel, punca asasnya ialah ketidaksamaan kuasa perhubungan antara lelaki dan wanita.

Sistem patriaki dan anggapan bahawa lelaki merupakan jaguh adalah tradisi yang dihayati oleh masyarakat zaman berzaman dan tradisi ini masih berleluasa dalam masyarakat dan sukar untuk dikikiskan, kata

Shahrizat.

Beliau berkata antara gangguan mental yang dialami mangsa keganasan seks ialah perasaan takut, rendah diri, tiada selera makan dan mangsa juga akan kehilangan harga diri serta sering dipandang hina oleh masyarakat.

Sehubungan itu, beliau berkata di bawah kementeriannya, Program Latihan Sukarelawan OMBAK diadakan sebagai kesinambungan kepada kempen OMBAK yang dilancarkan Tun Dr Mahathir Mohamad pada 23 Julai 2001. Setakat ini ada 1,857 sukarelawan OMBAK di seluruh negara.

Turut diadakan untuk menyedarkan masyarakat akan gejala ini ialah seminar pembangunan dari perspektif gender yang menyentuh isu-isu keganasan terhadap wanita, kempen-kempen melalui media elektronik dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut kemampuan masing-masing.

-- BERNAMA

CR RR